

**KERAJAAN NEGERI KELANTAN**  
**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN**  
**BILANGAN 2 TAHUN 2019**

---

---

**MAKLUMAN BERHUBUNG PENGENAAN SYARAT SEKATAN KEPENTINGAN  
KHAS KEPADA HARTANAH YANG DILULUSKAN KEPADA PERSATUAN ATAU  
PERTUBUHAN**

---

Arahan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pentadbir Tanah Jajahan berhubung pengenalan syarat Sekatan Kepentingan Khas kepada hartanah yang diluluskan kepada persatuan atau pertubuhan.

2. Sebagaimana keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Kali Ke 5 Tahun 2019 pada 26 Februari 2019, Pihak Berkuasa Negeri telah bersetuju untuk mengenakan syarat Sekatan Kepentingan Khas kepada hartanah yang diluluskan kepada persatuan atau pertubuhan supaya terhad kepada kegunaan yang dipohon sahaja dan bukan untuk tujuan komersial.

3. Oleh yang demikian, Pentadbir Tanah hendaklah mengenakan Sekatan Kepentingan khas sebagaimana berikut kepada hartanah yang diluluskan kepada persatuan atau pertubuhan dan tidak boleh digunakan untuk tujuan komersial dan perlu dikekalkan dengan syarat asal pemberian milik oleh Pihak Berkuasa Negeri:

**“Tanah yang terkandung dalam hakmilik ini tidak boleh dibuat sebarang perkiraan kecuali mendapat kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.**

**Syarat Khas:**

**Tanah ini hendaklah terhad kepada kegunaan sepertimana tujuan permohonan dan bukan untuk tujuan komersial.”**

4. Sekatan Kepentingan ini hendaklah didaftarkan di bawah Sistem Pendaftaran Tanah Berkomputer (SPTB) di bawah Kod Transaksi 21 (Sebarang Perkiraan) dan Kod Kelulusan 1 (Pihak Berkuasa Negeri). Manakala Syarat Nyata bagi hakmilik tersebut adalah sebagaimana tujuan permohonan.

5. Arahan ini adalah berkuatkuasa serta merta dan semua Pentadbir Tanah Jajahan hendaklah memastikan arahan ini dilaksanakan.



(DATO' SR. HAJI ZAMRI BIN HAJI ISMAIL), *D.P.S.K (Kelantan), K.M.N*  
Pengarah Tanah dan Galian  
Negeri Kelantan.

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN  
NEGERI KELANTAN  
BLOK 3, KOTA DARULNAIM  
15576 KOTA BHARU

FAIL NO. : PTG.KN. 32/69 Jld (4)  
BERTARIKH : 21 Ramadhan 1440H  
26 Mei 2019

KEPADA:

*Yang Mulia Dato' Tengku / Yang Amat Berusaha*  
*Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan*

SALINAN KEPADA:

1. *YAB Ustaz Dato' Bentara Kanan Menteri Besar Kelantan*
2. *YB Dato' Timbalan Menteri Besar Kelantan*
3. *YB Dato' Kaya Setia Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan*
4. *YB Dato' Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan*
5. *YB Dato' Pegawai Kewangan Negeri Kelantan*
6. *YABrs. Pengarah Audit Negeri Kelantan*
7. *YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Kelantan.*